



جایتن اکام اسلام فتح

## JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG

### TATACARA BERTUGAS

### PEGAWAI MASJID DAN SURAU DI NEGERI PAHANG SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA 3

#### 1. TUJUAN :

- 1.1 Tatacara ini disediakan untuk menjelaskan dan sebagai panduan kepada pegawai masjid dan surau (Imam, Bilal dan Siak) di seluruh negeri Pahang ketika menjalankan tugas di masjid dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 atau sehingga suatu tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- 1.2 Tatacara ini dikeluarkan berdasarkan keputusan Jawatankuasa Perundingan Syarak Negeri Pahang yang bersidang melalui sidang video pada 19 April 2020 dan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

#### 2. OBJEKTIF :

- 2.1 Mewujudkan panduan pelaksanaan tugas yang seragam mengikut ketetapan yang ditentukan oleh Jabatan Agama Islam Pahang.
- 2.2 Mewujudkan tatacara yang menjadi rujukan dan panduan semasa Pegawai dan pentadbir masjid dan surau untuk menjalankan tugas selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

#### 3. PANDUAN PELAKSANAAN :

##### 3.1 Sebelum melakukan tugas pegawai atau pentadbir hendaklah;

- 3.1.1 Mematuhi langkah-langkah kesihatan dan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu;

- i) Telah melakukan proses nyahkuman
- ii) Menyediakan hand sanitizer (pencuci tangan)
- iii) Menyediakan alat pengesan haba (infrared thermometer)
- iv) Penjarakan sosial (social distancing) satu (1) meter
- v) Memakai penutup mulut
- vi) Membawa sejadah dari rumah

- 3.1.2 Memastikan hanya **tiga (3)** orang pegawai masjid/surau sahaja dibenarkan untuk solat berjemaah dalam satu masa terdiri daripada :

- i) Seorang Imam.
- ii) Seorang Bilal.
- iii) Seorang Siak

- 3.1.3 Memastikan hanya individu sebagaimana senarai di atas sahaja dibenarkan memasuki masjid.
- 3.1.4 Memastikan semua yang hadir bertugas adalah mereka yang benar-benar sihat dan bebas dari simptom covid-19 seperti demam, batuk, selesma, alahan dan sebagainya.
- 3.1.5 Memastikan kehadiran adalah berdasarkan penggiliran yang telah diatur oleh pegawai atau pentadbir masjid/surau terlebih dahulu dan perlu memakai pakaian rasmi ketika bertugas (jubah).
- 3.1.6 Memastikan semua yang hadir ke masjid/surau mengisi borang kehadiran yang telah ditetapkan seperti di m/s : 4 dan 5.
- 3.1.7 Memastikan semua yang bertugas perlu hadir 15-30 minit sebelum azan dilaungkan.
- 3.1.8 Siak memastikan pintu pagar dan pintu masjid dikunci dari dalam setelah semua pegawai dan ajk telah masuk ke masjid.
- 3.1.9 Semua pegawai masjid/surau tidak dibenarkan membuat apa-apa rakaman dan penularan berkaitan aktiviti dilaksanakan dalam masjid/surau.

### **3.2 Tindakan semasa bertugas**

- 3.2.1 Bilal adalah digalakkan mengalunkan ayat-ayat suci al-Quran 15-30 minit sebelum masuk waktu solat dan membaca tarhim sebelum masuk solat subuh dengan menggunakan alat pembesar suara (microfon/speaker) luar.
- 3.2.2 Bilal hendaklah mengalunkan azan menggunakan microfon luar menandakan masuk waktu solat fardhu lima waktu dengan gantian seruan ungkapan حَيَّ ( على الصَّلَاةِ، حَيَّ عَلَى الْفُلَاحِ ) kepada صَلُّوا فِي بَيْتِنَا ( Solatlah di rumah kamu), berdasarkan riwayat al-Bukhari (668) dan Muslim (699) daripada Ibn Abbas RA. Inilah salah satu pandangan yang dibolehkan seperti yang dinyatakan oleh al-Imam al-Nawawi RH di dalam kitabnya Syarh Sahih Muslim 5/207 ;

الله أكْبَرُ ، الله أكْبَرُ (2x)

أشهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ (2x)

أشهدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللهِ (2x)

صَلُّوا فِي بَيْتِنَا (2x)  
الصلوة خير من النوم  
Bagi solat subuh (2x)

الله أكْبَرُ ، الله أكْبَرُ  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ

- 3.2.3 Tidak menggunakan microfon ketika iqamah, solat, wirid dan doa.
- 3.2.4 Memastikan saf solat berjemaah perlu mematuhi penjarakan sosial iaitu satu meter antara individu.
- 3.2.5 Memastikan pintu sentiasa dikunci dari dalam ketika azan, iqamah, solat dan doa dilaksanakan.

- 3.2.6 Imam hendaklah membaca doa qunut nazilah pada iktidal rakaat terakhir bagi setiap solat 5 waktu dan solat sunat witir ketika solat sunat terawih pada bulan Ramadhan.
- 3.2.7 Imam membaca doa menghindari wabak setiap kali selepas solat.
- 3.2.8 Waktu antara maghrib dan isyak adalah digalakkan dipenuhi dengan aktiviti seperti solat hajat dan membaca al-Quran.

### **3.3 Tindakan Selepas Selesai Bertugas :**

- 3.3.1 Memastikan semua pegawai dikehendaki segera beredar dari masjid/surau selepas menunaikan solat.
- 3.3.2 Melaporkan kepada pihak Pejabat Agama Islam Daerah dan PDRM jika terdapat individu lain memasuki masjid.
- 3.3.3 Memastikan semua pintu masjid/surau dan pintu pagar masjid/surau dikunci sebelum meninggalkan masjid.

### **4. PENUTUP :**

Semua tatacara ini hendaklah dipatuhi oleh semua Pegawai dan Pentadbir Masjid dan Surau serta dalam makluman dan tindakan semua Pengurus Masjid dan Surau di negeri Pahang. Pihak masjid/surau adalah bertanggungjawab sepenuhnya kepada sebarang pelanggaran kepada arahan dan tatacara yang dikeluarkan ini.

**Pengarah**  
**Jabatan Agama Islam Pahang**  
24 April 2020 Bersamaan 1 Ramadhan 1441H

**REKOD KEHADIRAN BERTUGAS  
PEGAWAI MASJID (IMAM,BILAL DAN SIAK)  
SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

**MASJID/SURAU: .....**

NAMA MASJID/SURAU: ..... TARIKH : .....

| SUBUH   |         |      |              |
|---------|---------|------|--------------|
| BIL     | JAWATAN | NAMA | TANDA TANGAN |
| 1.      | IMAM    |      |              |
| 2.      | BILAL   |      |              |
| 3.      | SIAK    |      |              |
| ZOHOR   |         |      |              |
| BIL     | JAWATAN | NAMA | TANDA TANGAN |
| 1.      | IMAM    |      |              |
| 2.      | BILAL   |      |              |
| 3.      | SIAK    |      |              |
| ASAR    |         |      |              |
| BIL     | JAWATAN | NAMA | TANDA TANGAN |
| 1.      | IMAM    |      |              |
| 2.      | BILAL   |      |              |
| 3.      | SIAK    |      |              |
| MAGHRIB |         |      |              |
| BIL     | JAWATAN | NAMA | TANDA TANGAN |
| 1.      | IMAM    |      |              |
| 2.      | BILAL   |      |              |
| 3.      | SIAK    |      |              |
| ISYAK   |         |      |              |
| BIL     | JAWATAN | NAMA | TANDA TANGAN |
| 1.      | IMAM    |      |              |
| 2.      | BILAL   |      |              |
| 3.      | SIAK    |      |              |